

SULIT*

Bahagian A

Tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 650 hingga 700 patah perkataan dengan berdasarkan **satu** daripada tajuk-tajuk di bawah ini. [50]

1. Kemasukan tenaga kerja asing ke negara ini berlaku sejak dahulu dan kini bilangan mereka semakin meningkat. Berikan penjelasan anda tentang kesan kemasukan tenaga kerja asing kepada masyarakat dan negara ini.
2. Sejak dahulu lagi, hidupan liar menjadi kebanggaan dan warisan negara yang amat bernilai. Namun begitu, hidupan liar di negara kita diancam kepupusan akibat pemusnahan hutan dan pemburuan secara berlebihan.

Kemukakan cara untuk mengatasi masalah kepupusan hidupan liar ini.

3. Kerajaan telah menubuhkan satu jawatankuasa untuk mengkaji tabiat merokok dalam kalangan remaja di negara ini kerana hal ini telah mencapai tahap yang membimbangkan semua pihak. Anda selaku setiausaha jawatankuasa itu dikehendaki menulis laporan tentang punca dan langkah-langkah untuk mengatasinya.

Tuliskan laporan anda selengkapnya.

4. Kemasukan pelancong asing ke negara ini dilaporkan meningkat dari setahun ke setahun. Perkembangan ini dikatakan banyak mendatangkan faedah kepada rakyat dan negara.

Pada pendapat anda, apakah faktor-faktor yang menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan yang terkenal di rantau ini? Jelaskan juga faedah kedatangan pelancong asing kepada masyarakat dan negara.

SULIT*

Bahagian B

5. Fahami petikan di bawah ini dan kemudian rumuskan petikan ini dengan padat dan ringkas tanpa menjejaskan isi kandungannya. Rumusan hendaklah dibuat tidak lebih daripada tiga perenggan dan panjangnya antara 180 hingga 190 patah perkataan. Jumlah perkataan dalam jawapan hendaklah ditulis pada akhir jawapan. [20]

Krisis harga makanan yang melanda dunia bermula apabila harga bahan makanan utama melambung tinggi. Harga makanan asas di pasaran global dari Januari 2002 hingga Julai 2008 naik mendadak hingga mencecah 190 peratus bagi jagung, naik 162 peratus bagi gandum, naik 318 peratus bagi beras dan naik 246 peratus bagi kacang soya. Walaupun harganya mulai turun sedikit selepas Julai 2008, namun harga makanan tersebut dijangkakan terus berada di paras tinggi. Akibat perkembangan yang memeritkan ini, penduduk di seluruh dunia yang berada di bawah paras kemiskinan mengalami bebanan yang berganda untuk membeli makanan asas.

Rata-rata penganalisis ekonomi berpandangan bahawa antara punca utama yang meningkatkan harga tersebut termasuklah spekulasi dalam pembelian minyak mentah, bahan makanan, dan biobahan api. Kenaikan harga minyak dikatakan banyak mempengaruhi kenaikan harga bahan makanan kerana industri pertanian banyak bergantung kepada baja dan racun rumpai atau racun serangga yang berasaskan sumber petroleum.

Sementara itu, Pertubuhan Makanan dan Pertanian Sedunia Bangsa-Bangsa Bersatu (FAO), menjangkakan bahawa dunia akan terus mengalami krisis makanan akibat perubahan cuaca yang menyebabkan fenomena pemanasan global. Kemarau yang berlarutan atau banjir besar yang melanda negara pengusaha dan pembekal tanaman gandum atau beras dunia menjejaskan pengeluaran hasil makanan ruji itu. Ekoran daripada bencana alam di Amerika Syarikat, negara tersebut hanya memperoleh 57.1 juta tan metrik hasil gandum pada tahun 2005 berbanding dengan 64.1 juta tan metrik yang dihasilkan pada tahun 1980.

Isu harga makanan yang naik secara drastik kerana kos yang meningkat dan isu kekurangan bekalan makanan yang disebabkan oleh banjir serta pemanasan global, memberi kesan yang amat besar kepada manusia, khususnya golongan di bawah paras kemiskinan. Menurut Penolong Setiausaha Negara Amerika, John Negroponte, dalam ucapannya pada 13 Jun 2008, sudah tiba masanya setiap negara mengambil tindakan untuk mengubah dasar dan rintangan perdagangan yang menyebabkan kenaikan harga makanan.

910/2

* Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.

[Lihat sebelah
SULIT*

SULIT*

Dalam hal ini, pembangunan bioteknologi dilihat sebagai keperluan yang mendesak bagi mengatasi masalah yang dihadapi itu. Bioteknologi merupakan bidang yang membabitkan benda hidup yang digunakan untuk penghasilan produk atau untuk melakukan sesuatu tugas bagi peningkatan kualiti hidup manusia. Melalui kaedah ini, tumbuh-tumbuhan, haiwan, dan mikroorganisma seperti bakteria digunakan untuk mewujudkan faedah serta kebaikan kepada manusia. Pada masa yang sama, pemeraksanaan kaedah bioteknologi secara menyeluruh dapat menjanjikan pulangan yang lumayan kepada pertumbuhan ekonomi sesebuah negara walaupun mengambil masa yang agak panjang, selain memerlukan pelaburan yang besar daripada kerajaan dalam menyediakan prasarana dan dana.

Masalah kekurangan bekalan makanan dan kenaikan harganya yang semakin memeritkan harus dipandang serius oleh masyarakat dan pemimpin dunia. Dengan menyedari hakikat ini, bidang bioteknologi yang dimanfaatkan secara menyeluruh diharapkan dapat menjamin peluang pertumbuhan dalam aplikasi kemajuan teknologi biopertanian. Selain itu, menerusi pembangunan bioteknologi, nilai dalam industri pertanian dapat dikembangkan serta diperbaharu dan secara langsung dapat memperkasakan sektor yang amat penting kepada manusia ini.

(Dipetik dan diubah suai daripada Rencana Utama:
Bioteknologi Atasi Krisis Bekalan Makanan, M.Kamal Ariff,
Dewan Ekonomi, Mac 2010, halaman 4-6)

910/2

* Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.

SULIT*

<http://edu.joshuatly.com/>
<http://www.joshuatly.com/>

SULIT*

Bahagian C*Jawab satu soalan sahaja*

6. Alih bentuk bahasa petikan di bawah ini ke dalam bentuk bahasa Melayu moden.

[15]

Alkisah, maka adalah suatu cerita, kononnya sebuah negeri bernama Halban Condong, nama rajanya Indera Maya. Maka adalah di peminggiran negeri raja itu seorang peladang tiga beranak. Anak laki-laki dinamakan Belalang, menjadi orang-orang semuanya memanggil orang tua peladang itu Pak Belalang. Maka, pada suatu masa, semua orang tidak dapat berladang padi oleh sangat kemarau. Peladang tiga beranak itu sangatlah kesusahan, yakni terkadang makan ubi, tebu, pisang, keladi, dan sebagainya.

Hatta, antara beberapa lamanya di dalam hal yang demikian itu sampailah pula musim menanam. Maka orang bekerja bendang pun masing-masing turun ke bendangnya membuat pekerjaan. Ketika semua orang membuat pekerjaan, Pak Belalang tiga beranak asyik dengan tidur siang malam di rumahnya.

Maka pada suatu hari Pak Belalang berkata kepada anaknya nama Belalang itu "Wahai anakku, pada fikiranku pergilah anakku sembunyikan kerbau orang yang menenggala di bendang itu barang dua ekor, taruh di dalam semak-semak itu. Jikalau orang itu gempar kehilangan kerbaunya, katakan aku tahu bertenung menentukan di mana-mana tempat kerbau itu"

(Disesuaikan daripada Warna Sari Sastera Melayu Tradisional,
Cerita Pak Belalang, Dewan Siswa, Ogos 2002, ms 26)

910/2

* Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.

[Lihat sebelah
SULIT*

<http://edu.joshuatly.com/>
<http://www.joshuatly.com/>

SULIT*

7. Alih bentuk bahasa petikan di bawah ini ke dalam bentuk prosa biasa dengan memindahkan bentuk dialog ke dalam cakap pindah.

“Memang abang bijak mahu tetap tinggal di sini dari dulu. Ada hal di kampung ni yang menambat hati abang. Tentu ada.” Ramli cuba meneka mengapa abangnya sayang tinggalkan kampungnya.

Tidak sedap hati abangnya mendengar percakapannya. “Tak ada apa hal pun,” abangnya membela diri. “Cuma aku tak mahu ikut Pak Mat dulu tu kerana aku nak jaga ibu. Lagipun aku tak berotak macam kau.”

“Ya, memang betul. Tapi ada sesuatu yang menahan abang.” Gelisah abangnya sambil melihat-lihat ke arah isterinya di dalam rumah. “Iaitu damai hidup di kampung.”

“Ingat kan benda lain.” Panjang nafas yang dilepaskan abangnya. Asap rokok daun dihembus berkepul-kepul ke udara. Dia lega.

“Mengapa kau kata hidup di bandar merosakkan kau?”

“Iblis banyak. Dugaan banyak. Sini tak ada perempuan-perempuan cantik. Ramah-ramah. Menawan dan manja-manja.”

“Tapi kau dulu kan sekolah agama.”

“Di dunia ni kalau hidup macam abang memang cukup senang. Dulu abang macam ni, sekarang pun abang macam ni. Di bandar ada *night club*. Ada kedai minum arak. Ada *dancing-dancing*.”

“Tak usahlah pergi kedai arak. Tak usah pergi dancing-dancing. Selesai masalah”

Ramli merebahkan badannya ke atas tikar mengkuang dan berpura-pura tidak mendengar kata-kata Kasim.

(Dipetik dan disesuaikan daripada Kumpulan Cerpen
Awang Had Salleh, *Antara Dua Dunia*, ms 4 – 5)

SULIT*

Bahagian D

8. *Kenal pasti kesalahan bahasa dalam petikan ini. Bagi setiap kesalahan, jelaskan sebab kesalahan dan buat pembetulan.*

Pada masa kini, setiap negara ASEAN mempunyai kekuatan dan keistimewaan masing-masing. Malaysia, misalnya mempunyai banyak keistimewaan boleh menarik minat pelabur asing untuk menjalankan kegiatan ekonomi. Kerajaan Malaysia juga mesra pelabur, manakala pekerja-pekerjanya pula jarang mengadakan tindakan perusahaan. Kebangkitan negara China sebagai kuasa ekonomi dunia boleh dieksploitasi sepenuhnya jika negara-negara ASEAN menggunakan keistimewaan mereka secara optimum. Negara-negara ASEAN mesti berusaha untuk meningkatkan lagi perdagangan dua hala sesama mereka. Perpaduan yang utuh dalam kalangan negara ASEAN penting sebab tanpa kerjasama dalam bidang ekonomi, gelombang kebangkitan ekonomi negara China sukar negara-negara ASEAN hadapi. Negara-negara ASEAN tidak boleh lagi menghadkan aktiviti perdagangan sesama mereka dengan memperkenalkan pelbagai peraturan yang menyusahkan semua pihak.